

25/10/2003

'Tunggul lama' dan harga kereta jadi tumpuan

Teh Kean Kiat; Magendran Rajagopal

SARANAN Perdana Menteri supaya pemimpin veteran memberi laluan serta dorongan kepada golongan muda untuk mengambil alih terus menjadi isu panas

dalam Tamil Nesan (Nesan) dan Malaysia Nanban (Nanban) minggu ini.

Nasihat Dr Mahathir itu, yang turut disokong timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi baru-baru ini disifatkan sebagai pembaharuan dalam Barisan Nasional (BN) yang bakal menonjolkan beberapa pemimpin muda pada pilihan raya umum akan datang.

Walaupun beberapa pemimpin MIC sedia ada serta-merta mengeluarkan kenyataan dalam Nesan atau Nanban bahawa mereka masih memerlukan kepemimpinan Datuk Seri S Samy Vellu selaku Presiden parti, pada hakikatnya sebilangan besar anggota pucuk pimpinan tertinggi parti mungkin

terpaksa ditunjukkan jalan keluar.

Selain Nesan dan Nanban, kebanyakan majalah serta akhbar mingguan berbahasa Tamil turut membincangkan rasional kenapa beberapa 'tunggul lama' dalam parti terus dikekalkan sedangkan ia tidak memanfaatkan parti atau masyarakat India secara umum.

Meskipun pada hakikatnya memang diakui bahawa kemenangan calon MIC banyak bergantung kepada usaha bersepadu BN, ia tidak bermakna MIC boleh meletakkan calon sesuka hati tanpa memastikan sama ada beliau berwibawa atau layak menjadi wakil rakyat.

Tindakan wakil rakyat Pas, Datuk Dr Hassan Ali mempersoalkan di Dewan Rakyat minggu lalu kenapa seorang remaja India yang bakal menduduki peperiksaan STPM ditembak mati oleh polis turut menjadi perbincangan utama.

Ruangan surat pembaca Nesan dan Nanban banyak menimbulkan kemusykilan apa sebenarnya yang dilakukan oleh wakil rakyat daripada MIC kerana kebanyakan isu membabitkan masyarakat India dibangkitkan Ahli Parlimen parti lain dalam BN.

Nanban, dalam lidah pengarangnya, melaporkan bahawa sebelum ini, apabila isu sekolah Tamil dibangkitkan oleh Datuk Yap Pian Hon (MCA) dan Datuk Mohamad Aziz (Umno) dalam Parlimen, wakil rakyat MIC terus terpinga-pinga.

Akhbar itu berpendapat MIC perlu melakukan rombakan secara besar-besaran jika tidak mahu kehilangan sokongan masyarakat India yang kini lebih cenderung kepada parti komponen BN lain, malah ada juga yang mungkin menjadikan parti pembangkang sebagai pilihan.

Dalam perkembangan lain, Nesan dan Nanban juga tidak ketinggalan melaporkan kemeriahan persiapan masyarakat India menyambut hari Deepavali walaupun wujud sedikit rasa kesedihan kerana Dr Mahathir akan bersara dalam tempoh seminggu lagi.

Nesan melaporkan bahawa amanat Dr Mahathir supaya mengutamakan perpaduan kaum dan mengeratkan persahabatan tanpa mengira agama akan terus menjadi

ingatan rakyat dan dihayati generasi akan datang.

Akhbar itu menyifatkan Dr Mahathir sebagai satu-satunya pemimpin yang dikenali generasi muda sekarang sepanjang hidup mereka dan mungkin sukar untuk menerima persaraannya dan terpulang kepada pucuk pimpinan baru untuk mengembalikan keyakinan mereka.

Sementara itu, Nanban menyifatkan peralihan kuasa kepada Abdullah sebagai satu lembaran baru dalam pemerintahan negara yang akan disusuli dengan gaya kepemimpinan baru bagi meneruskan dasar negara.

Sementara itu Nanyang Siang Pau melaporkan menjelang pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) pada 2005, pasaran kereta terpakai tempatan mengalami penurunan harga antara RM2,000 hingga RM4,000.

Kelmarin, akhbar itu pada muka depannya melaporkan, pengusaha kereta terpakai terpaksa menurunkan harga kenderaan itu bagi menarik perhatian pengguna.

Ini kerana, mereka yang ingin memiliki kenderaan sedang menunggu masa tiba untuk membeli kenderaan import pada harga lebih murah kelak berikutan semua kenderaan buatan negara Asean akan mula mengurangkan duti mulai 2005.

Menurut pengusaha, penurunan harga kereta terpakai adalah antara RM2,000 hingga RM3,000. Bagaimanapun, kadar penurunan itu lebih banyak antara RM3,000 hingga RM4,000 jika tidak termasuk aksesori kenderaan.

Difahamkan, kadar penurunan harga kereta nasional terpakai lebih mengejutkan berbanding kereta import terpakai kerana nilai kereta import lebih tinggi dan mempunyai pasaran stabil.

Bagi pengusaha kereta terpakai yang belum, mereka akan memperkenalkan pakej istimewa termasuk tawaran insurans percuma selama enam bulan, pakej pelancongan, kamera digital dan penyaman udara untuk menarik perhatian pelanggan.

Walaupun pakej istimewa dapat membantu merangsang jualan kereta terpakai bagaimanapun kesan secara keseluruhannya kurang memberangsangkan.

Menurut pengusaha, tindakan kerajaan yang belum mengumumkan struktur kadar duti eksais bagi kereta import dan cukai kereta nasional menyebabkan mereka menghadapi situasi lambakan kereta terpakai.

Sehubungan itu, kerajaan digesa mengumumkan struktur kadar duti eksais dan cukai secepat mungkin untuk membolehkan mereka merancang strategi menjelang Afta.

Sementara itu, penganalisis bebas bagi kolum pendapat Sin Chew Daily Rabu lalu pula berpendapat, jika harga kereta nasional tidak diturunkan mengikut permintaan pasaran, kereta nasional mungkin lebih mahal berbanding kereta import.

Jika keadaan itu berlaku, kereta nasional akan menjadi mangsa pasaran terbuka kerana tidak dapat bersaing dengan kereta import.

Katanya, Pameran kereta Kuala Lumpur International Motorshow 2003 (Klims 2003) yang diadakan dari 5 hingga 14 September lalu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) jelas menunjukkan prestasi kereta nasional semakin

ketinggalan tidak kira dari segi reka bentuk mahupun teknologi kenderaan.

Malaysia perlu menerima hakikat jika kelak kereta keluaran Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton) tidak lagi mendapat perhatian rakyat berikutan kereta mewah Jepun dapat dihasilkan di Thailand dengan harga lebih murah dan menguasai pasaran tempatan.

Dulu, kereta nasional menjadi pilihan pertama rakyat disebabkan harganya yang rendah. kini, rakyat mempunyai lebih banyak pilihan kerana harga kereta import tidak banyak bezanya dengan kereta nasional selain reka bentuk dan berkualiti tinggi.

Jika kereta nasional ingin terus bersaing di pasaran antarabangsa, mereka perlu berdikari tanpa menggunakan tongkat yang diberikan oleh kerajaan untuk mencapai kejayaan.